

Volume 20, No. 1  February 2023

**JOURNAL OF**

*Islam in Asia*

A Refereed International Biannual Arabic – English Journal

INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA

إِنَّمَا  
يُنشأ  
الله  
من  
عبادته  
العلماء



JOURNAL OF *Islam in Asia*

Volume 20, No. 1 February 2023

ISSN: 1823-0970 E-ISSN: 2289-8077

# *Journal of Islam in Asia*

SPECIAL ISSUE: ISLAMIC CONTEMPORARY RESEARCH

Selected Papers from the International Conference on Islamic  
Contemporary Studies and Management 2021 (ICICM2021)

## **EDITOR-in-CHIEF**

Abdul Salam @ Zulkifli B. Muhamad Shukri

## **EDITOR**

Noor Azlan B. Mohd Noor

## **ASSOCIATE EDITOR**

Homam Altabaa

## **GUEST EDITORS**

Homam Altabaa

Mohd Aizul B. Yaakob

Mohammad Dhiya'ul Hafidh B. Fatah Yasin

Raudlotul Firdaus B. Fatah Yasin

Kamel Ouinez

## **COPY EDITOR**

Nur Mashitah Wahidah Bt. Anuar

## **EDITORIAL ADVISORY BOARD**

---

### **LOCAL MEMBERS**

Abdel Aziz Berghout (IIUM)

Muhammed Mumtaz Ali (IIUM)

Nadzrah Ahmad (IIUM)

Rahmah Bt. A. H. Osman (IIUM)

Sayed Sikandar Shah (IIUM)

Saidatolakma Mohd Yunus (IIUM)

Thameem Ushama (IIUM)

### **INTERNATIONAL MEMBERS**

Abdullah Khalil Al-Juburi (UAE)

Abu Bakr Rafique (Bangladesh)

Anis Ahmad (Pakistan)

Fikret Karcic (Bosnia)

Muhammad Al-Zuhayli (UAE)

Zafar Ishaque Ansari (Pakistan)

Articles submitted for publication in the *Journal of Islam in Asia* are subject to a process of peer review, in accordance with the normal academic practice.

© 2023 by *International Islamic University Malaysia*

*All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, translated, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior written permission of the publisher.*



E-ISSN: 2289-8077

**Analisis Penghujahan Hadis *Fada'il Al-A'mal* Syaykh  
Dawud Al-Fatani dalam Kitab *Jam'U Al-Fawa'id Wa  
Jawahir Al-Qala'id***

**An Analysis of The Hadith Argument of *Fada'il Al-A'mal* by  
Syaykh Dawud Al-Fatani in *Jam'U Al-Fawa'id Wa Jawahir  
Al-Qala'id***

Mohd Aizul bin Yaakob,\* Affuan bin Che Mansor,\*\* Mohamad Roshimi bin  
Abdullah,\*\*\* Mohd Zulhamdi bin Zainol Abidin\*\*\*\*

**Abstrak**

Kitab *Jam'u al-Fawa'id wa Jawahir al-Qala'id* merupakan antara karya yang banyak menghimpunkan riwayat-riwayat mengenai *fada'il al-a'mal*. Dalam karya ini, Syaykh Dawud al-Fatani telah menjelaskan secara ringkas metode penghujahan beliau bagi hadis dalam kategori ini. Metode ini jika ditinjau secara eksplisit didapati ia berbeza dengan metode yang dipraktikkan oleh majoriti sarjana hadis. Sehubungan daripada itu, artikel ini bertujuan untuk mengkaji dan menganalisis metode penghujahan hadis-hadis *fada'il al-a'mal* oleh Syaykh Dawud dalam kitabnya *Jam'u al-Fawa'id wa Jawahir al-Qala'id*. Sekaligus melakukan perbandingan antara metode beliau dengan metode majoriti sarjana hadis dalam persoalan ini. Kajian yang dijalankan ini adalah berbentuk kualitatif sepenuhnya dan melibatkan pengumpulan data melalui kajian perpustakaan. Data-data yang diperolehi akan dianalisis berdasarkan kepada kaedah induktif dan deduktif. Dapatan kajian mendapati bahawa Syaykh Dawud menerima riwayat *mardud* bahkan batil sebagai hujah dalam *fada'il al-a'mal*.

---

\* Senior Lecturer, Faculty of Islamic Studies, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs), email: aizulyaakob@kuips.edu.my

\*\* Lecturer, Faculty of Islamic Studies, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs), email: affuan2021@kuips.edu.my

\*\*\* Lecturer, Faculty of Islamic Studies, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs), email: mohdroshimi@kuips.edu.my

\*\*\*\* Lecturer, Faculty of Islamic Studies, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs), email: zulhamdi@kuips.edu.my

## Analisis Penghujahan Hadis Fada'il Al-A'Mal Syaykh Dawud Al-Fatani dalam Kitab Jam'U Al-Fawa'id Wa Jawahir Al-Qala'id 180

Justeru, metode ini secara tidak langsung berbeza dengan metode majoriti sarjana hadis. Selain daripada itu, dapatan turut menunjukkan bahawa beliau mengikuti metode penghujahan aliran ahli sufi bagi kategori hadis seperti ini.

**Kata Kunci:** Syaykh Dawud al-Fatani, Penghujahan, Fada'il al-a'mal, Metode, Sufi.

### Abstract

*Jam'u al-Fawa'id wa Jawahir al-Qala'id* is one of the books that contains numerous narrations about *fada'il al-a'mal*. In this book, Shaykh Dawud al-Fatani has given a brief explanation of his approach to argumentation for the hadiths in this category. When this approach is specifically examined, it is seen to be different from that used by the majority of hadith scholars. Therefore, the purpose of this article is to examine and critically evaluate Shaykh Dawud's method of presenting the hadiths of *fada'il al-a'mal* in *Jam'u al-Fawa'id wa Jawahir al-Qala'id*. While also comparing his method to the methods employed by the majority of hadith scholars on this issue. This research is completely qualitative and involves data collection through library research. The data obtained will be analysed based on inductive and deductive methods. The findings of the study found that Shaykh Dawud accepted the narration of *mardud* as invalid as an argument in *fada'il al-a'mal*. Thus, this method is indirectly different from the method of the majority of hadith scholars. Apart from that, the findings also show that he followed the Sufi method of argumentation for this category of hadith.

**Keywords:** Syaykh Dawud al-Fatani, Argumentation, Fada'il al-a'mal, Method, Sufi.

### Pengenalan

Nama Syaykh Dawud al-Fatani (m. 1297 H) tidak asing lagi dalam dunia Islam di Tanah Melayu. Kesarjanaan beliau dalam pelbagai bidang agama sentiasa disebut oleh segenap masyarakat sekalipun beliau telah meninggal dunia hampir 146 tahun yang lalu. Himpunan penulisan beliau sentiasa mendapat tempat dalam kalangan para penuntut ilmu khususnya di alam Nusantara. Penulisan-penulisan ini telah dijadikan silibus di pusat-pusat pendidikan tradisional seperti pondok dan pasentren. Tidak ketinggalan ia turut diajar di pusat-pusat ibadah seperti masjid dan surau di seluruh negara.

*Jam'u al-Fawa'id wa Jawahir al-Qala'id* merupakan antara karya Syaykh Dawud yang masyhur di alam Nusantara. Karya ini umumnya berkaitan tasawuf dan penyucian jiwa. Sehubungan daripada itu, karya ini telah menghimpunkan sejumlah besar riwayat-riwayat berkenaan

**181 Mohd Aizul bin Yaakob, Affuan bin Che Mansor, Mohamad Roshimi bin Abdullah and Mohd Zulhamdi bin Zainol Abidin**

*fada'il al-a'mal* dan *al-targhib wa al-tarhib* (Mohd Aizul, 2011). Dalam karya ini juga, Syaykh Dawud ada meletakkan satu perbincangan ringkas yang berjudul "*matlab diberi pahala beramal dengan hadis yang batil*" di mana umumnya ia berkaitan metode penghujahan terhadap hadis-hadis *fada'il* serta *al-targhib wa al-tarhib* (Syaykh Dawud, t.t.). Dalam perbincangan ringkas ini, didapati bahawa metode yang diutarakan oleh Syaykh Dawud berbeza secara total dengan metode yang dipraktikkan oleh sarjana hadis. Beliau dilihat berpendirian bahawa hadis lemah, bahkan hadis batil boleh dijadikan sandaran dalam *fada'il al- a'mal*. Ini dapat dilihat dengan jelas melalui judul bab yang diutarakan di atas di samping dokongan dari beberapa riwayat iaitu antaranya seperti berikut:

*"Kata Jabir Ibn 'Abd Allah RA, sabda Nabi SAW, barangsiapa sampai akan dia daripada Allah Ta'ala suatu padanya kelebihan maka mengambil ia dengan dia percaya ia dengan dia dan harap akan pahala diberi akan dia Allah Ta'ala akan yang demikian itu"* (Syaykh Dawud, t.t.).

*"Kata setengah daripada orang Solihin, aku lihat akan Nabi SAW di dalam tidurku di tepi Kaabah maka kataku: Ya Rasulullah, telah sampai akan kami daripadamu bahawa engkau bersabda barangsiapa mendengar hadis padanya pahala maka diamalkan dengan dia hal keadaannya harap akan demikian pahala itu dan jikalau adalah hadis itu batil sekalipun yakni diberi pahalanya"* (Syaykh Dawud, t.t.).

Berdasarkan tinjauan awal penulis, riwayat-riwayat di atas menunjukkan bahawa Syaykh Dawud menerima hadis lemah, bahkan batil dalam berhujah dengan riwayat-riwayat berbentuk *fada'il al-a'mal* dan *al-targhib wa al-tarhib*. Sekaligus, metode seperti ini berbeza dengan metode yang diaplikasikan oleh sarjana hadis. Sehubungan daripada itu, artikel ini bertujuan untuk menganalisis metode Syaykh Dawud dalam persoalan ini.

### **Kajian Literatur**

Ketokohan Syaykh Dawud seringkali dijadikan topik perbincangan dan penyelidikan dalam kalangan ahli akademik khususnya di Asia Tenggara. Skop kajian mereka terhadap tokoh ini

bervariasi, sama ada dalam lapangan akidah, tafsir, hadis, fekah, tasawuf dan sebagainya. Menurut Fauzi Deraman (1997), kebanyakan karya-karya yang dihasilkan oleh Syaykh Dawud adalah terfokus kepada tiga bidang utama, iaitu fekah, akidah dan tasawuf. Bagaimanapun, beliau menambah bahawa terdapat tiga karya Syaykh Dawud yang boleh dikategorikan sebagai karya hadis, iaitu *Fara'id Fawa'id*, *Kasyf al-Ghummah*, dan *Hikayat Iman* (Fauzi Deraman, 1997). Penentuan ini menurut beliau mengambilkira bilangan hadis dan riwayat yang banyak dalam ketiga-tiga karya tersebut (Fauzi Deraman, 1997). Sehubungan daripada itu, terdapat dua kajian ditemui yang memberi fokus kepada kajian bertemakan hadis dalam kitab *Kasyf al-Ghummah* iaitu kajian daripada Rosni (2006) dan Muhammad Darul (2017). Sekaligus dua kajian ini menguatkan pandangan Fauzi Deraman yang memasukkan kitab *Kasyf al-Ghummah* sebagai karya dalam kategori hadis.

Pada tinjauan penulis, selain tiga karya yang dijelaskan di atas, karya beliau yang berjudul *Jam' al-Fawa'id wa Jawahir al-Qala'id* juga merupakan karya yang boleh diletakkan dalam kategori hadis lantaran memiliki jumlah hadis yang banyak. Menurut Mohd Aizul (2011) dan Fatihah et.al (2019), karya ini mengandungi sejumlah hadis yang banyak khususnya hadis berkaitan *fada'il al-a'mal* serta *al-tarhib wa al-tarhib*. Justeru, dalam kajian takhrij dan analisis yang dijalankan oleh Mohd Aizul (2011) dan Muhammad Faidz (2014) terhadap 6 bab dalam karya ini, masing-masing ditemui sebanyak 73 dan 24 riwayat. Jumlah ini sekaligus menunjukkan bahawa karya ini juga memiliki bilangan hadis yang banyak dan boleh dikategorikan sebagai karya hadis.

Menurut Mohd Aizul (2011), dalam karya ini Syaykh Dawud dilihat agak bermudah dalam penggunaan hadis-hadis dalam karya ini. Dalam erti kata yang lain, beliau banyak menggunakan hadis dalam kategori *mardud* berbanding *maqbul*. Seiring dengan itu, penelitian penulis terhadap dapatan kajian daripada Muhammad Faidz (2014) dan Fatihah et.al (2019) juga menunjukkan bahawa Syaykh Dawud agak bermudah dalam penggunaan hadis dalam karya ini. Dalam hal ini, penulis berpandangan bahawa metode yang dipraktikkan oleh Syaykh Dawud mempengaruhi dapatan beberapa kajian di atas. Fauzi Deraman (1997) ketika membahas berkenaan penggunaan salah satu hadis dalam kitab *Kasyf al-Ghummah*, beliau ada jelaskan bahawa Syaykh Dawud mengikuti metodologi ahli sufi. Senada pandangan ini, Mohd Aizul (2011) dalam kajian beliau terhadap karya *Jam'u al-Fawa'id* secara khusus turut menjelaskan hal yang sama, iaitu Syaykh Dawud mengikuti

metodologi ahli sufi dalam berhujah menggunakan hadis khususnya dalam konteks hadis *fada'il al-a'mal* dan *al-targhib wa al-tarhib*.

Sebenarnya, perbincangan berkenaan metodologi penghujahan aliran ini terhadap hadis *fada'il al-a'mal* dan *al-targhib wa al-tarhib* telah disentuh oleh para sarjana. Ibn Hajar (m. 7852 H) antaranya menyebut, dinukilkan sebahagian ahli sufi bahawa harus memalsukan hadis dalam *al-targhib wa al-tarhib* (Ibn Hajar, 2013). Pendirian ini menurut Ibn Hajar (2013), terbina kerana kejahilan dan ternyata ia adalah silap lantaran *al-targhib dan al-tarhib* juga merupakan sebahagian daripada hukum-hakam syariat (Ibn Hajar, 2013). Selain Ibn Hajar, pengkaji semasa seperti Abu Su'aylik (1995), Umar (2021), Khader (2021) dan ramai lagi turut menyentuh persoalan ini dalam kajian-kajian mereka.

### **Metodologi**

Kajian yang dijalankan ini adalah berbentuk kualitatif sepenuhnya dan melibatkan pengumpulan data melalui kajian kepustakaan. Oleh yang demikian, subjek kajian iaitu bab "*matlab diberi pahala beramal dengan hadis yang batil*" dalam karya *Jam' al-Fawa'id wa Jawahir al-Qala'id* menjadi kajian utama untuk dianalisis. Bagi memperoleh natijah yang holistik, penulis akan merujuk kepada data-data primer dalam disiplin ilmu hadis, iaitu seperti *Muqaddimah Ibn al-Salah* (m. 643 H), *Nuzhah al-Nazar* oleh Ibn Hajar (m. 852 H) dan beberapa lagi karya-karya utama yang lain. Selain daripada itu juga, sumber-sumber sekunder yang lain tetap menjadi rujukan penulis bagi memperoleh data-data yang memuaskan. Data yang telah dikumpul akan dianalisis berdasarkan kaedah induktif dan deduktif.

### **Penglibatan Syaykh Dawud Dalam Tasawuf Dan Kitab *Jam' Al-Fawa'id Wa Jawahir Al-Qala'id***

Syaykh Dawud al-Fatani atau nama penuh beliau adalah Dawud bin Abdullah bin Idris al-Jawi al-Fatani atau Wan Dawud bin Wan Abdullah bin Wan Idris al-Fatani. Beliau dikenali juga dalam kalangan masyarakat dengan panggilan Tok Syaykh Dawud Fatani (Wan Saghir, 1990), Syaykh Dawud Waliyullah dan Syaykh Dawud Pengarang Kitab (Wan Saghir, 1991a). Selain itu juga, beliau turut dipanggil dengan Syaykh Haji Melayu Pertama ekoran kegiataannya yang membantu jemaah Nusantara menunaikan Haji ke Mekah (Ahmad Fathi, 2001).

**Analisis Penghujahan Hadis Fada'il Al-A'Mal Syaykh Dawud Al-Fatani dalam Kitab Jam'U Al-Fawa'id Wa Jawahir Al-Qala'id** 184

Syaykh Dawud telah dilahirkan pada tahun 1131 H/1718 M di kampung Parik Marhum, iaitu berdekatan dengan kampung Kersik, kira-kira 7 kilometer daripada selatan bandar Patani (Wan Saghir, 1991b). Beliau dibesarkan dalam keluarga yang mementingkan ilmu pengetahuan. Bapanya Syaykh Wan Abdullah dan datuknya Syaykh Wan Idris merupakan tokoh ulama besar di zaman mereka (Rosni, 2006). Bapa saudaranya pula, iaitu Syaykh Safiuddin juga merupakan tokoh ulama di Patani dan beliau pernah belajar dengan bapa saudaranya ini (Ahmad Fathi, 2001). Direkodkan bahawa beliau telah menuntut ilmu di Patani selama lima tahun, kemudian berhijrah pula ke Aceh dan menuntut ilmu di sana selama dua tahun (Ahmad Fathi, 2001). Kemudian beliau meneruskan pencarian ilmu dengan mengembara ke Mekah selama tiga puluh tahun dan mengembara ke Madinah selama lima tahun (Ahmad Fathi, 2001). Selain itu, turut direkodkan bahawa Syaykh Dawud pernah mengembara ke Afrika utara buat beberapa ketika untuk mendalami ilmu pengetahuan di sana (Wan Saghir, 1990). Syaykh Dawud telah meninggal Dunia pada tahun 1297 H/1879 M iaitu ketika usianya menjangkau 90 tahun (Rosni, 2006).

Syaykh Dawud direkodkan terlibat secara serius dalam lapangan tasawuf. Ini dikesan apabila beliau menjadi salah seorang penyambung *Tariqat Syatariyah* di Nusantara (Rosni, 2006). Memandangkan beliau berpengaruh dalam lapangan ini, beliau turut dikenali di tengah masyarakat sebagai *Syaykh Mursyid Kamil Mukammil* dan dianggap sebagai salah seorang yang sangat berpengaruh di Nusantara selepas Syaykh 'Abd Rauf Fansuri (Wan Saghir, 1990). Pemikiran Syaykh Dawud dalam lapangan tasawuf terbukti apabila kelahiran beberapa karyanya yang menjurus kepada aliran ini. Iaitu antaranya seperti *Diya' al-Murid*, *Kayfiat Khatm al-Quran*, *Risalah Tariqat Syatariyah wa Samaniyah*, *Manhal al-Safi* dan sebagainya (Mohd Aizul, 2011). Menurut Abd Aziz (1991), karya-karya yang beliau hasilkan ini juga terpapar kekaguman beliau terhadap pemikiran tokoh Sufi terdahulu iaitu seperti 'Abd al-Qadir al-Jilani (m. 165 H), Abu al-Qasim al-Qusyayri (m. 465 H), al-Ghazali (m. 505 H) dan sebagainya.



**185 Mohd Aizul bin Yaakob, Affuan bin Che Mansor, Mohamad Roshimi bin Abdullah and Mohd Zulhamdi bin Zainol Abidin**

Syaykh Dawud merupakan antara sarjana prolifik di rantau Tanah Melayu. Beliau telah menghasilkan sekurang-kurangnya mencecah sebanyak 99 atau 101 judul dan 66 daripadanya telah didokumentasikan (Wan Saghir, 1991a). Kebanyakan karya-karyanya telah dicetak pada awalnya di Mekah, Mesir Istanbul, dan Turki. Kemudian diulang cetak di kepulauan Melayu seperti di Pulau Pinang, Singapura, Patani, Bangkok, Kota Bharu, Ceribon, dan Surabaya (Fauzi Deraman, 1997). Salah satu daripada karya beliau yang masyhur adalah *Jam'u al-Fawa'id wa Jawahir al-Qala'id*. Judul karya ini diterjemahkan sendiri oleh beliau sebagai "*Perhimpunan Beberapa Faedah dan Beberapa Permata yang Indah-indah Lagi Tinggi*" (Syaykh Dawud, t.t.). Berdasarkan catatan, karya ini telah siap ditulis oleh Syaykh Dawud pada hari Jumaat bersamaan 27 Jamadilawal 1239 Hijrah. Ia dicetak buat pertama kalinya di Mekah pada tahun 1303 Hijrah (Wan Saghir, 1990).

Berdasarkan tinjauan pengkaji, kandungan karya ini adalah berkaitan anjuran melakukan kebaikan. Hal ini memandangkan Syaykh Dawud dilihat mendatangkan kumpulan jumlah yang besar riwayat mengenai kelebihan serta anjuran sesuatu amalan. Malah, penelitian pengkaji mendapati terdapat sekurang-kurangnya lima puluh bab dan boleh dikatakan kesemua bab-bab berikut adalah berkisar kelebihan sesuatu amalan. Antara bab-bab yang dimaksudkan adalah seperti kelebihan *basmalah*, kelebihan sabar, kelebihan *bang* dan *iqamah*, kelebihan jihad dan *ghazwah*, kelebihan berbakti kepada ibu bapa dan seumpamanya. Dalam karya ini juga, Syaykh Dawud dilihat turut membahaskan berkenaan penghujahan hadis *fada'il al-a'mal* dan *al-targib wa al-tarhib* dengan perbincangan yang ringkas. Perbincangan ini diletakkan di bawah perbincangan "*matlab diberi pahala beramal dengan hadis yang batil*".

#### **Penghujahan Hadis *Fada'il al-A'mal***

Pada asasnya, para sarjana hadith bersepakat bahawa hadis *maqbul* iaitu *sahih* dan *hassan* boleh dijadikan sandaran dalam bab *fada'il al-'amal*. Bahkan ketelitian al-Bukhari sangat halus sehinggakan beliau sangat berhati-hati ketika beramal dengan hadith *hassan*. Al-

San'ani menegaskan bahawa al-Bukhari sangat tegas dalam mengambil sesuatu hadis, sehingga beliau tidak akan mengambil hadis *hassan* dalam perkara hukum melainkan terdapat riwayat lain yang menyokong riwayat sesuatu riwayat tersebut. (al-San'ani, 2006).

Majoriti sarjana hadis bersepakat bahawa hadis *da'if* yang terlalu berat tidak boleh diriwayatkan melainkan perlu menjelaskan hukumnya (Siddiq Maqbul, 2002). Bagaimanapun, bagi kategori hadis yang ringan terdapat perbezaan pandangan dalam kalangan sarjana hadis. Sebahagian mereka konsisten menolak riwayat *da'if* secara mutlak walaupun dalam kategori *da'if* yang ringan. Namun, sebahagian yang lain pula memberikan keringanan terhadap periwayatan dalam kategori hadith *da'if* ringan pada bab *fada'il al-a'mal* (Al-Qasimi, 2010). Manakala, majoriti sarjana hadis pula menerima periwayatan hadith *da'if* dengan syarat yang ketat. Al-Suyuthi (2001) menegaskan bahawa diperbolehkan bersama *al-tanbih* (peringatan) beramal dengan *fada'il al-a'mal* dengan 3 syarat seperti berikut seperti yang diletakkan oleh Ibn Taimiyah (m. 724 H):

- 1) Hadis *da'if* yang bukan dalam kategori berat. Perawi mestilah bukan dari mereka yang dikatakan penipu atau dituduh sebagai penipu atau perawi yang dikenali melakukan kesalahan dalam periwayatannya.
- 2) Hadis tersebut termasuk di bawah perkara usul yang diamalkan.
- 3) Tidak beriktikad ketika beramal dengannya sebagai sahih yang dinisbahkan kepada Nabi Muhammad SAW, bahkan perlu berhati-hati beramal dengannya.

Walaupun hadith dalam kategori *da'if* ringan, para sarjana berbeza pandangan adakah boleh beramal dengannya atau tidak. Abu Bakar Ibn al-'Arabi (m. 543 H) tidak mengharuskan beramal dengan hadith *da'if* walaupun dalam kategori *da'if* ringan. Bagaimanapun Ahmad dan Abu Dawud pula mengharuskannya secara mutlak.

Selain daripada metod sarjana hadis, ahli sufi turut memiliki metod tersendiri dalam berhujah dengan hadis. Tajuddin (2017) menyatakan sekurang-kurangnya terdapat dua metod yang digunakan

**187 Mohd Aizul bin Yaakob, Affuan bin Che Mansor, Mohamad Roshimi  
bin Abdullah and Mohd Zulhamdi bin Zainol Abidin**

oleh ahli sufi dalam menilai hadis iaitu *tariq al-kasyaf* dan *liqa al-nabi*. Dari sudut bahasa *kasyaf* boleh diertikan sebagai hilang sesuat yang menghalan. Dari sudut istilah pula, *kasyaf* adalah terzahirnya sesuatu yang *ghaib* atau sesuatu yang berada disebalik tirai. Metod ini merupakan antara kaedah yang diguna oleh sebahagian ahli sufi dalam menentukan kualiti sesuatu hadis. Ia sama sekali tidak memerlukan lagi kaedah atau metod penilaian hadis yang digunakan oleh sarjana hadis (Kudhori, 2018).

Pada asasnya, metod *kasyaf* muncul antara abad 6 dan 7 hijriyah. Tokoh yang pertama kali dikesan menggunakan kaedah ini ialah Ibn Arabi (m. 638 H). Berdasarkan metod ini, syarat yang harus dipenuhi adalah hadis-hadis yang dinilai sahih tidak bertentangan dengan kaedah-kaedah umum syarak. Di samping itu, penilaian hadis dengan metod *kasyaf* harus melihat kepada kedudukan wali tersebut (Kudhori, 2018). Menurut Adnan Abdullah (t.t), metod *kasyaf* adalah metod penilaian hadis yang muktamad di kalangan para guru sufi. Pandangan beliau dikuatkan lagi dengan nukilan pendapat oleh al-Kattani yang mengatakan seperti berikut: “*Sesungguhnya wahyu itu boleh diturunkan kepada para wali sepertimana wahyu diturunkan kepada para Nabi kecuali dalam pensyariatan. Antara keistimewaan wahyu yang diturunkan tersebut para wali boleh mensahihkan dan mendaiifkan hadis-hadis yang dinilai berbeza oleh ulama lain*”. Oleh itu hadis-hadis yang batil, palsu dan lemah itu hanyalah disisi ulama hadis atau menurut penilaian mazhab mereka, bukan menurut ulama sufi.

Metod penilaian seperti ini jelas menolak peranan dan kepentingan sanad kerana dalam *kasyaf* sanadnya langsung kepada Rasulullah SAW tanpa melalui perawi hadis. Sedangkan kedudukan antara ahli sufi dan Rasulullah SAW adalah jauh dan terputus mengikut zaman mereka. Begitu juga metod ini akan merosakkan peranan ilmu *al-jarh wa al-ta'dil* yang telah ditetapkan oleh sarjana ahli hadis (Tajuddin, 2017). Khudori (2015), membawakan kenyataan al-'Ajluni dalam mukadimah kitabnya *Kasyf al-Khafa'*, penilaian sebuah hadis sebagai hadis palsu, sahih maupun yang lainnya sesungguhnya berdasarkan maklumat yang terlihat pada para ahli hadis, baik dari segi sanad maupun yang lainnya, bukan berdasarkan hadis tersebut, kerana boleh jadi sebuah hadis dinilai sebagai hadis sahih dalam pandangan ahli hadis sebenarnya adalah palsu maupun *da'if*, demikian juga sebaliknya. Shaykh al-Akbar Ibn 'Arabi (m. 638 H.) dalam kitabnya *al-Futuhat al-*

*Makiyyah* mengatakan bahawa beberapa hadis dinilai sahih kerana jalur para perawinya. Bagaimanapun, ahli *kashf* menilainya tidak sahih kerana telah ditanyakan kepada Rasulullah SAW. Sebaliknya, beberapa hadis tidak diamalkan kerana sanad *da'if*, kerana dalam sanadnya terdapat perawi yang memalsukan hadis, namun hadis berikut dinilai sahih, kerana ahli *kasyaf* telah mendengarnya sendiri dari Rasulullah SAW.

Antara metod lain dalam penilaian sesebuah hadis disisi ahli sufi juga adalah *liqa al-nabi*. Metod ini digunakan oleh ahli sufi dalam periwayatan hadis melalui mimpi atau dalam keadaan terjaga. Menurut Usman (2000), metod *liqa al-nabi* merupakan metod yang dipraktikkan oleh sebahagian ahli tasawuf untuk menetapkan kualiti sesuatu hadis. Ia dapat dilihat dengan ramainya ahli tasawuf yang mendakwa pernah bertemu dengan Nabi SAW, baik melalui mimpi mahupun bercakap-cakap secara langsung dalam keadaan jaga. Menurut ahli sufi, seseorang dapat bertemu Nabi Muhammad SAW setelah baginda wafat. Hal ini kerana, pada hakikatnya Nabi SAW masih hidup dan sentiasa mengawasi umatnya (Idri, 2015). Pegangan mereka ini berdasarkan firman Allah SWT seperti berikut:

*"Jangan kamu mengatakan terhadap orang-orang yang gugur di jalan Allah bahawa mereka itu mati, bahkan mereka itu sebenarnya hidup tapi kamu tidak menyedarinya"* (Al-Baqarah:154)

Menurut Ibn Kathir (1999), Allah SWT menjelaskan bahawa orang syahid itu hidup di alam barzakh. Ini berdasarkan hadis dari Nabi SAW

*"Ruh seorang mukmin terbang dan berlegar di pohon syurga sehinggalah Allah SWT mengembalikannya pada jasadnya pada hari kebangkitannya"* (Ahmad: 15231)

keyakinan mereka ini dikuatkan lagi dengan hadis Nabi:

*"Para Nabi itu hidup di dalam kubur mereka sentiasa dalam keadaan solat"* (Al-Bayhaqi)

Menurut al-Ghazali orang-orang yang mengikuti metod ahli sufi mampu untuk melihat para malaikat roh para nabi, mereka mampu mendengar suara-suara paranormal dan mengambil manfaat daripadanya (al-

**189 Mohd Aizul bin Yaakob, Affuan bin Che Mansor, Mohamad Roshimi bin Abdullah and Mohd Zulhamdi bin Zainol Abidin**

Ghazali, 2005). Metod *liqa al-nabi* ini sangat jelas menyelisihi metod ahli hadis, kerana dakwaan ini akan meletakkan kedudukan mereka seperti sahabat yang melihat langsung dan hidup pada zaman Nabi Muhammad SAW.

**Analisis Penghujahan Hadis Fada'il al-A'mal Syaykh Dawud dalam Jam'u al-Fawa'id wa Jawahir al-Qala'id**

Ketika membahaskan penghujahan hadis-hadis *fada'il al-a'mal* dan *al-targib wa al-tarhib*, Syaykh Dawud ada menukulkan riwayat daripada sebahagian orang soleh mengenai galakan beramal dan meyakini akan memperolehi pahala hasil daripada amalan yang disebutkan dalam hadis tersebut. Walaubagaimanapun, riwayat yang dinukulkan tersebut adalah bersumberkan mimpi orang soleh tersebut, bukannya melalui jalur sanad yang diriwayatkan oleh para perawi hadis. Hal ini dapat dilihat pada kata-kata Syaykh Dawud seperti berikut:

*"Kata setengah daripada orang Solihin, aku lihat akan Nabi SAW di dalam tidurku di tepi Kaabah..."*

Berdasarkan kepada nukilan di atas, jelas menunjukkan bahawa Syaykh Dawud telah menjadikan mimpi orang soleh sebagai sandaran dalam berhujah. Mimpi orang soleh adalah termasuk mimpi yang baik sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA, Nabi SAW bersabda:

إِذَا اقْتَرَبَ الزَّمَانُ لَمْ تَكُذِّبْ تَكْذِبًا، رُؤْيَا الْمُؤْمِنِ وَرُؤْيَا الْمُؤْمِنِ جُزْءٌ مِنْ سِتَّةٍ  
وَأَرْبَعِينَ جُزْءًا مِنَ النَّبُوءَةِ

Makudnya: Apabila telah menghampiri zaman, mimpi seseorang yang beriman itu hampir tidak dusta, dan mimpi orang yang beriman itu satu bahagian daripada 46 bahagian kenabian (Al-Bukhari: 7017).

Begitu juga hadis yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik RA, Rasulullah SAW. bersabda:

الرُّؤْيَا الْحَسَنَةُ، مِنَ الرَّجُلِ الصَّالِحِ، جُزْءٌ مِنْ سِتَّةٍ وَأَرْبَعِينَ جُزْءًا مِنَ النَّبُوءَةِ

Maksudnya: Mimpi baik yang berasal dari seorang yang soleh adalah satu bahagian dari 46 juzuk kenabian (Al-Bukhari: 6893).

Namun, mimpi adalah berbeza hal dan keadaannya bagi setiap orang yang bermimpi, ia memerlukan takwil yang khusus kepada perkara tersebut dan ia boleh jadi datang daripada Allah SWT dan juga boleh jadi merupakan permainan syaitan (Naquiuddin, 2019). Oleh itu, mimpi termasuk dalil-dalil yang diperselisihkan oleh para sarjana (*al-adillah al-mukhtalafih*) dan bersifat sangkaan (*zanniyyah*) (Ali Jumuah, 2004).

Begitu juga tafsiran dan takwilan mimpi tersebut tidak boleh dijadikan hujah kepada orang yang bermimpi dan ke atas orang lain, ini berdasarkan kaedah:

لَا قِيَاسَ فِي الْأَشْخَاصِ

Maksudnya: Tidak ada qiyas terhadap individu kepada individu yang lain (Ali Jumuah, 2004)

Justeru, dapatlah disimpulkan bahawa mimpi bukan termasuk dalil syarak dan tidak boleh dijadikan sebagai hujah untuk menetapkan sesuatu hukum syarak samada halal, wajib atau haram. Hal ini kerana orang biasa tidak mampu melepaskan diri daripada hasutan syaitan, justeru tidak dapat memastikan kesahihan takwilan mimpi yang dialaminya tersebut walaupun dia bermimpi berjumpa Rasulullah SAW. Hanya mimpi para Nabi dan Rasul sahaja merupakan mimpi benar yang boleh dijadikan sebagai sumber hukum dan hujah syarak, kerana mereka dilindungi oleh Allah SWT daripada mainan syaitan.

Seterusnya, dalam riwayat yang sama, dinyatakan bahawa ganjaran pahala juga akan dikurniakan sekiranya diyakini dan diamalkan walaupun disebutkan dalam riwayat yang batil. Hal ini dapat dilihat daripada ungkapan riwayat tersebut seperti berikut:

*"...dan jikalau adalah hadis itu batil sekalipun yakni diberi pahalanya"*

**191 Mohd Aizul bin Yaakob, Affuan bin Che Mansor, Mohamad Roshimi  
bin Abdullah and Mohd Zulhamdi bin Zainol Abidin**

Berdasarkan kepada ungkapan dalam riwayat di atas, ungkapan 'hadis itu batil' adalah lafaz *kinayah* yang merujuk kepada hadis palsu (*mawdu'*). Hal ini dapat dikenalpasti daripada ungkapan beberapa sarjana hadis khususnya sarjana *al-jarh wa ta'dil* yang menggunakan lafaz batil samada dalam bentuk *mufrad* atau *jama'* bagi merujuk kepada *hadis mawdu'* (Falatah, 1981). Ibn 'Adi (m. 365H) telah menggunakan ungkapan '*haddatha bi al-bawatil*' kepada seorang perawi yang bernama Ibrahim bin Zakaria al-'Ajali sebagaimana yang dinukilkan oleh al-Dhahabi (1963). Selain itu, Ibn 'Adi juga menggunakan ungkapan '*lahu ahadith batilah 'an Malik*' merujuk kepada perawi bernama 'Ali bin Qutaybah al-Rifa'i yang juga dinukilkan oleh al-Dhahabi (1963).

Dalam metodologi ilmu hadis, hadis *mawdu'* didefinisikan sebagai hadis yang direka dan disandarkan kepada Rasulullah SAW samada dengan sengaja atau tersalah (al-Suyuti, 2003; al-Sakhawi, 2003). Ia dikategorikan di bawah hadis *da'if*, iaitu *da'if* yang sangat berat, yang mana ia adalah hadis yang paling rendah kedudukannya antara hadis-hadis *da'if*, bahkan sebahagian sarjana hadis menganggapnya sebagai satu bahagian yang berasingan dan bukan daripada bahagian hadis *da'if* (Shayuthy, 2016). Dari sudut hukum periwayatannya, para sarjana bersepakat bahawa haram bagi seseorang untuk meriwayatkan hadis *mawdu'* melainkan untuk menerangkan kedudukannya sebagai hadis *mawdu'* (Shayuthy, 2016).

Hadis *mawdu'* termasuk di bawah kategori hadis yang tidak dapat ditampung atau dikuatkan statusnya melalui hadis-hadis lain serta sukar untuk menghilangkan tahap *keda'ifannya*, iaitu hadis yang lemah tahapnya disebabkan *al-ta'n* (celaan) pada tahap '*adalah al-rawi*, seperti riwayat *al-kazzab* atau *al-muttaham bi al-kazzab* atau *al-mughfil fahish al-khata'*. Riwayat-riwayat di bawah kategori ini adalah telah disepakati oleh para sarjana Hadis bahawa ia tidak boleh diamalkan sama sekali (Falatah, 1981), kesepakatan ini telah dinukilkan oleh al-'Ala'i (al-Suyuti, 2003).

Justeru, melalui riwayat yang dinukilkan oleh Syaykh Dawud tersebut jelas menunjukkan bahawa beliau juga didapati bersetuju dengan metodologi Ahli Sufi dalam penghujahan hadis *fada'il al-a'mal* iaitu menerima kelebihan yang terdapat dalam sesuatu riwayat walaupun riwayat tersebut berstatus batil (*mawdu'*).

### **Penutup**

Kajian menunjukkan bahawa metod penghujahan hadis-hadis *fada'il al-a'mal* berbeza antara ahli hadis dan ahli sufi. Sehubungan daripada itu, terdapat kadangkala hadis-hadis yang dida'ifkan oleh sarjana hadis tetapi disahihkan oleh ahli sufi. Demikian juga sebaliknya. Dalam kajian ini juga mendapati bahawa metod penghujahan Syaykh Dawud al-Fatani dalam hadis *fada'il al-a'mal* adalah mengikuti metode ahli sufi. Keadaan ini sangat jelas apabila beliau dilihat menerima beberapa kaedah penghujahan ahli sufi iaitu antaranya seperti mimpi bertemu dengan Nabi SAW dan menerima pakai hadis yang batil. Kaedah ini dilihat bercanggah dengan metodologi yang telah dipraktikkan oleh sarjana hadis, sekaligus mendapat kritikan dan ditolak oleh majoriti sarjana hadis.

### **BIBLIOGRAFI**

Abd Aziz, Ismail. "Sumbangan Syeikh Daud al-Fatani kepada Aqidah Nusantara". (Kertas kerja Seminar Nadwah Ilmiah Tokoh Ulama Kali Keempat: Syeikh Daud al-Fatani, 17-19 Disember 1991).

Ahmad Fathi. *Ulama' Besar Dari Patani*. (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2001).

Ahmad Tajuddin Arafat. "Mata Rantai Sufi Perawi hadis dalam al-Kutub al-Tis'ah". (Tesis Doktor Falsafah, UIN Walisongo, Semarang, 2017)

Al-Albani, Muhammad Nasir al-Din. *Tamam al-Minnah fi Ta'liq 'ala Fiqh al-Sunnah*. (Riyadh: Dar al-Rayah, 1417H)

Al-Asqalani, Ibn Hajar. *Nuzhah al-Nazar fi Tawdih Nukhbah al-Fikar*, ed. Abu 'Abd al-'Aziz Turki (Yaman: Dar al-'Asimah. 2013)

Al-Bukhari, Muhammad bin Isma'il. *Sahih al-Bukhari al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulillahi Sallahu 'alaihi wa Sallam wa Sunanihi wa Ayyamihi*. (Bayrut: Muassasah al-Risalah Nashirun, 2010)

Al-Dhahabi, Muhammad bin Ahmad. *Mizān al-Itidāl fi Naqd al-Rijāl*. (Bayrut: Dār al-Ma'rifah, 1963)



**193 Mohd Aizul bin Yaakob, Affuan bin Che Mansor, Mohamad Roshimi  
bin Abdullah and Mohd Zulhamdi bin Zainol Abidin**

Al-Ghazali. Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. *Al-Maqsad -Asma' fi Syarh Asma Allah al-Husna*. (Bayrut: Dar al-Kutub, 2005)

Ali Jum'ah, Muhammad 'Abd al-Wahhab. *Mada Hujjiyyah al-Ru'ya 'inda al-Usuliyin*. (Kaherah: Dar al-Risalah, 2004)

Al-Khudair, 'Abd al-Karim bin 'Abd al-Allah. *Al-Hadith al-Da'if wa Hukm al-Ihtijaj bih*. (Riyadh: Dar Muslim, 1997)

Al-Qasimi, Muhammad Jamaluddin bin Muhammad Sa'id. *Qawa'id al-Tahdith min Funun Mustalah al-Hadith*. (Bayrut: Muassasah al-Risalah Nashirun, 2004)

Al-Qasimi. Muhammad Jamaluddin. *Qawa'id al-Tahdith min Funun Mustalah al-Hadith*. (Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiah, 2010).

Al-Sakhawi, Muhammad bin Abd al-Rahman. *Al-Qawl al-Badi' fi al-Salah 'ala al-Habib al-Shafi'*. (Damsyiq: Maktabah Dar al-Bayan, t.t)

Al-Sakhawi, Muhammad bin Abd al-Rahman. *Fath al-Mughith bi Syarh Alfiah al-Hadith li al-'Iraqi*. (Riyadh: Kementerian Hal Ehwal Islam Arab Saudi, 2003)

Al-San'ani, Izzuddin. *Isbal al-Mathar 'Ala Qasb al-Sukar*, ed. Abdul Hamid bin Saleh. (Bayrut: Dar Ibn Hazm, 2006).

Al-Suyuti, Abd al-Rahman bin Abi Bakr. *Tadrib al-Rawi fi Syarh Taqrib al-Nawawi*. (Riyadh: Dar al-'Asimah, 2003).

Al-Suyuti, Jalaluddin. *Tadrib al-Rawi fi Syarh Taqriq al-Nawawi*. (Bayrut: Dar Taiyyibah, 2010)

Al-Syatibi, Ibrahim bin Musa. *Al-I'tisam*. (Riyadh: Dar Ibn al-Jawzi, 2008).

Falatah, Umar bin Hasan. *Al-Wad' fi al-Hadith*. (Bayrut: Muassasah Manahil al-'Irfan, 1981)

**194**

**Analisis Penghujahan Hadis Fada'il Al-A'Mal Syaykh Dawud Al-Fatani dalam Kitab Jam'U Al-Fawa'id Wa Jawahir Al-Qala'id**

Fatihah Ismail, Latifah Abd. Majid & Mohd Arif Nazri. *Metode Interaksi Syeikh Dawud al-Fatani Terhadap Hadith Da'if dalam Jam'u al-Fawa'id wa Jawahir al-Qala'id*. Jurnal al-Turath. 4/2 (2019): 1-12.

Fauzi Deraman. *Kedudukan Hadith Dalam Kitab Jawi: Satu Kajian Terhadap Karya-karya Syeikh Dawud bin Abdullaha al-Fataniy*. (Tesis Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1997).

Ibn al-Taimiyyah, Ahmad bin 'abd al-Halim. *Majmu' al-Fatawa*. (Madinah: Majma' al-Malik Fahd li Tiba'ah al-Mushaf al-Syarif, 1995).

Ibn Kathir, Abu al-Fida' Isma'il bin Kathir. *Tafsir al-Quran al-'Azim*. (T.T: Dar Taibah, 1999).

Idri. *Metod Liqa dan Kashf dalam Periwaiyatan Hadis*. Jurnal Keilmuan Tafsir Hadis. 5/2 (2015).

Khader Ahmad. "Aliran Tasawuf dan Metode Mereka dalam Kritikan dan Interaksi Hadis" dalam Aliran Klasik dan Moden dalam Pengajian Tafsir dan Hadis, ed. Khader Ahmad & Selamat. (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. 2021). 195-239.

Maqbul. Siddiq Muhammad. *'Ulum al-Hadith al-Nabawi al-Syarif*. (Jordan: Dar al-Masar, 2002)

Mohd Aizul. Yaakob. *Riwayat Mengenai Kelebihan Bulan Hijri Dalam Jam'u al-Fawa'id wa Jawahir al-Qala'id oleh Syeikh Dawud al-Fatani: Takhrij dan Analisis*. (Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2011).

Muhammad Darul Ehsan & Mohd Arif Nazri. *Kedudukan Hadis dalam Juzuk 2 Kitab Kasyf al-Ghummahfi Ahwalil Mauta fil Barzakh wal Qiyamah*. Al-Banjari. 16/2 (2017): 307-322.

Muhammad Faidz. *Hadith-hadith Munakahat Dalam Kitab Jawi: Takhrij dan Analisis Kitab Muhimmah dan Jam' al-Fawa'id wa Jawahir al-Qala'id*.

**195 Mohd Aizul bin Yaakob, Affuan bin Che Mansor, Mohamad Roshimi bin Abdullah and Mohd Zulhamdi bin Zainol Abidin**

(Disertasi Sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2014)

Muhammad Kudhori. *Metod Kashf dalam Penilaian Hadis: Studi Tashih Hadis di kalangan Kaum Sufi*. Jurnal Afkaruna. 14/1 (2018).

Rosni Wazir. *Hadith-hadith dalam Kasyf al-Ghummah Juzuk Pertama Karya Syeikh Daud Fatani: Takhrij dan Ulasan* (Disertasi Sarjana. Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2006).

Shayuthy Abdul Manas. *Asas Kenali Hadis Sahih, Dhaif dan Palsu*. (Klang: Malaha PLT, 2016)

Syeikh Dawud al-Fatani. *Jam' u al-Fawa'id wa Jawahir al-Qala'id*. (T.T: Maktabah wa Matba'ah Muhammad al-Nahdi wa Awladuh. t.t.)

Umar. Muhammad Noor. *Aliran Kritik Hadis Semasa*. (Kual Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2021)

Usman Sya'roni. *Otentisitas Hadis menurut Ahli hadis dan Kaum Sufi*. (Jakarta: Pustaka Firdaus, 2000).

Wan Saghir. "Sejarah Ringkas Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani dan karya-karyanya." Kertas Kerja Seminar Nadwah Ilmiah Tokoh Ulama Kali Keempat: Syeikh Daud al-Fatani. (Kuala Lumpur: Jabatan Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri dengan Kerjasama Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 17-19 Disember 1991a).

Wan Saghir. *Munyat al-Musalli Syeikh Daud al-Fatani Pengetahuan Sembahyang Masyhur*. (Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniah, 1991b).

Wan Saghir. *Syeikh Daud b. Abdullah al-Fatani: Ulama dan Pengarang Terulung Asia Tenggara*. (Syah Alam: Penerbit Hizbi, 1990).